

02 FEB 1999

Pelayar

AZHAR MULAKAN PELAYARAN KELILING DUNIA

LANGKAWI, 2 Feb (Bernama) -- Azhar Mansor memulakan pelayaran hari ini dalam cubaan secara solo bukan hanya untuk menjadi rakyat Malaysia pertama mengelilingi dunia dengan mengemudikan kapal layar tetapi juga untuk mencatatkan rekod melakukannya kurang daripada 105 hari.

Azhar, 40, berlepas bagi pelayaran sejauh 21,600 batu nautika itu dari pusat perancangan Awana Porto Malai di Tanjung Malai di sini selepas dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada pukul 4.15 petang.

Cubaan beliau ialah yang pertama untuk mengelilingi dunia bermula dari Lautan Hindi dengan Langkawi sebagai tapak permulaan. Cubaan-cubaan sebelum ini oleh pelaut Barat bermula dari Lautan Atlantik.

Pelayar dari Perancis Christophe Auguin memegang rekod mengelilingi dunia selama 105 hari, 20 jam, 31 minit dan 23 saat yang dicipta pada 1997 dengan kapal layar bernama "Geodis".

Untuk menyempurnakan cubaannya itu, Azhar yang membuat persediaan bermula dua setengah tahun lepas, akan belayar melalui Tanjung Leeuwin Australia, Tanjung Selatan New Zealand, Tanjung Horn di Amerika Selatan, Pulau Fernando de Noronha di Lautan Atlantik, Tanjung Harapan dan kembali ke Langkawi pada Mei tahun ini.

Ditanya apakah mesej yang Dr Mahathir ingin beliau sampaikan kepada dunia dan rakyat Malaysia khususnya melalui pelayarannya ini, beliau berkata "Malaysia Boleh".

Pelayarannya akan diawasi dan diiktiraf oleh Majlis Catatan Kelajuan Pelayaran Dunia (WSRC) melalui satelit.

"Saya tidak sabar untuk memulakan cubaan solo ini kerana ramai yang telah menyuarakan sokongan mereka. Saya berharap rakyat Malaysia terus memberikan sokongan dan mendoakan kejayaan saya sepanjang pelayaran ini," katanya.

Azhar berkata orang ramai boleh mengikuti perkembangan pelayarannya melalui Internet kerana kapal layarnya dilengkapi dengan kemudahan faksimili, e-mail dan teleks.

Bagi tujuan itu dua pusat perhubungan telah dibuka di Kuala Lumpur City Centre dan Awana Porto Malai Resort di sini dengan bantuan Sapura Holdings, satu daripada penaja utamanya.

Persediaan Azhar untuk pelayaran bersejarahnya hari ini termasuk belayar tanpa henti membawa pulang kapal layar berharga RM1.8 juta itu yang kini dinamakan Jalur Gemilang, dari Sydney di mana ia dibina.

Pelayarannya itu sejauh 10,000 km ke Pelabuhan Klang tempat beliau berlabuh pada 25 Okt tahun lepas turut merupakan satu rekod dan Azhar tiba di Awana Resort pada 4 Nov tahun lepas dari Pelabuhan Klang.

Jalur Gemilang berukuran 15.2m merupakan kapal lumba berprestasi tinggi yang dibina oleh pereka kapal layar terkemuka dunia Scott Jutson.

Azhar menjangkakan pelayarannya melalui Tanjung Horn di Amerika Selatan di mana dua lautan besar -- Pasifik dan Atlantik -- bertemu adalah yang paling sukar dan mencabar kerana keadaan laut yang bergelora.

Beliau akan membawa bersamanya beberapa tan makanan, termasuk kacang merah dalam tin, mi segera dan air mineral, untuk bekalan selama 100 hingga 130 hari.

"Saya ada beberapa rancangan jika cubaan saya ini berjaya seperti membuka galeri pelayaran di Kuala Lumpur untuk mempamerkan segala aspek mengenai cubaan bersejarah ini," katanya.

Azhar yang mempunyai diploma dalam kejuruteraan marin dari Politeknik Singapura itu turut bercadang menulis sebuah buku mengenai cubaan solonya belayar mengelilingi dunia yang merupakan cita-citanya sepanjang hayat.

Pengalamannya berjinak dengan laut dikumpul semasa bekerja dengan kapal dagang sebelum ini.

-- BERNAMA

NH JM RON